

26/01/2002

Operasi diperluas ke seluruh negara

Kadir Dikoh; Rahman Hashim

MELAKA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu operasi besar-besaran dilakukan di seluruh negara bagi mengesan pendatang haram Indonesia supaya dapat dihantar pulang segera.

Sambil menyatakan Malaysia tetap tegas dengan keputusan untuk tidak mengambil rakyat Indonesia bekerja buat sementara waktu, Perdana Menteri berkata operasi itu perlu termasuk di restoran kerana di situ juga ramai pendatang bekerja.

Katanya, memandangkan jumlah rakyat Indonesia terlalu ramai di negara ini, usaha untuk mengenal pasti dan penghantaran pulang akan dilakukan secara berperingkat.

"Kita akan buat secara besar-besaran, tetapi jumlah dia orang ramai... kita kena buat sedikit demi sedikit," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia ke-20 di Akademi Kastam Diraja Melaka, Bukit Baru hari ini.

Semalam, beliau berkata operasi pembersihan di kawasan penjaja sekitar Lembah Klang, terutama di Chow Kit, akan dijalankan bagi memastikan tiada lagi rakyat Indonesia yang berniaga secara haram di situ.

Semua tindakan itu selaras dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan jumlah pekerja Indonesia di negara ini, yang dianggarkan Perdana Menteri semalam seramai dua juta, termasuk tanpa izin. Kira-kira 750,000 rakyat Indonesia bekerja secara sah di negara ini tetapi angka sebenar pendatang tanpa izin tidak diketahui.

Rabu lalu, Kabinet memutuskan rakyat Indonesia tidak akan diambil bekerja buat sementara waktu kerana jumlah yang terlalu ramai, menimbulkan banyak masalah termasuk jenayah.

Ditanya mengenai laporan dari Jakarta semalam bahawa Naib Presiden Indonesia, Hamzah Haz kemungkinan melawat Malaysia dan berhasrat menemui beliau untuk merayu supaya menimbang semula keputusan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan tetap dengan keputusannya.

"Kita tak perlu lagi... kita sudah ada cukup pekerja, lebih daripada cukup. Yang datang sini menceroboh. Semalam, lebih 90 orang ditangkap kerana tak ada dokumen, cuma nak menceroboh... masuk ke sini nak cari kerja. Kita ada pekerja halal yang cukup," katanya.

Semalam, 99 pendatang tanpa izin Indonesia yang dalam pelayaran memasuki negara ini, ditahan oleh kapal peronda Marin dan kini ditempatkan di Depoh Tahanan Sementara Lenggeng, Negeri Sembilan sebelum dihantar pulang tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sebelum ini pernah melakukan operasi pemutihan terhadap pendatang Indonesia tetapi tindakan itu juga tidak dapat menyelesaikan masalah.

"Mereka percaya apabila datang ke negara ini, maka mereka akan diputihkan (diampunkan)... sebab itu kita tak benarkan. Mereka dekat saja, cuma menyeberang Selat Melaka, dah sampai," katanya.

Dua rusuhan membabitkan pendatang Indonesia berlaku minggu lalu saja, yang pertama membabitkan pekerja kilang Hualon di Nilai apabila lebih 500 pekerja bertindak liar membalikkan tiga kenderaan polis serta merosakkan harta benda kerana membantah tindakan polis menahan 16 rakan mereka yang didapati positif dalam ujian dadah.

Satu lagi rusuhan berlaku di Kampung Limau Manis, Dengkil pada Selasa lalu membabitkan perkelahian dua kumpulan pendatang Indonesia dari Aceh.

(END)

